

23/09/1997

Suharto terima tawaran Malaysia

JAKARTA, Isnin -residen Suharto hari ini bersetuju untuk menggunakan bantuan Malaysia bagi mengatasi masalah jerebu yang melanda negara.

Menteri Koordinator Kebajikan Sosial, Azwar Anas memberitahu pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Suharto, Malaysia menawarkan untuk menghantar lebih 1,200 anggota bomba dan kakitangan perubatan ke Sumatera.

Selain itu, katanya, Malaysia juga menawarkan menghantar 130 lagi anggota bomba dari Sabah dan Kuching, Sarawak untuk memadamkan kebakaran hutan di Kalimantan.

Menurut Anas, gabenor wilayah Riau di Sumatera Tengah, Soeripto berkata anggota bomba dari Malaysia itu patut dihantar ke Jambi dan wilayah-wilayah Sumatera Selatan memandangkan kebakaran hutan di Riau telah padam.

Beliau berkata, Malaysia juga menawarkan pesawat pengangkut C-130 untuk menjalankan operasi pembenihan awan di Indonesia, serta menawarkan lapangan terbang Subang dan Labuan untuk digunakan oleh pesawat Indonesia semasa operasi itu.

Salah sebuah daripada pesawat itu akan berlepas dari Subang dan dua lagi dari Labuan, katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah meminta pihak pemerintah Indonesia supaya mendedahkan nama-nama syarikat perladangan Malaysia yang terbabit dalam melakukan pembakaran hutan di sini, kata Anas.

(END)